



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN AHAD, 24 OGOS 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



24/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	FIESTA GUNUNG GADING ANGKAT ALAM SEMULA JADI, GAYA HIDUP SIHAT		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/08/23/fiesta-gunung-gading-angkat-alam-semula-jadi-gaya-hidup-sihat/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	NANCY PANDANG SERIUS ISU BAPA GELAR ANAK PEREMPUAN 'MINI WIFE', KECAM TINDAKAN EKSPLOITASI KANAK-KANAK		POSITIF
	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/08/23/nancy-pandang-serius-isu-bapa-gelar-anak-perempuan-mini-wife-kecam-tindakan-eksploitasi-kanak-kanak	MSTAR.COM.MY	
	https://lobakmerah.com/tak-wajar-tak-boleh-diterima-nancy-shukri-bersuara-lepas-tular-bapa-panggil-anak-mini-wife/	LOBAKMERAH.COM	
	https://www.malaysiadateline.com/isu-pempengaruh-gelar-anak-mini-wife-raih-perhatian-nancy-syukri-kecam-tindakan-eksploitasi-kanak-kanak/	MALAYSIADATELINE.COM	
	https://ohmedia.my/trending/terima-kasih-yang-lapor-ke-jkm-dan-jpkk-nancy-shukri-bersuara-isu-bapa-panggil-anak-mini-wife/	OHMEDIA.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	TRAUMA DALAM KALANGAN KANAK-KANAK PERLU DIRAWAT SEGERA		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/trauma-dalam-kalangan-kanak-kanak-perlu-dirawat-segera	BERITA.RTM.GOV.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



24/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	BULI DAN MEDIA SOSIAL PUNCA KRISIS MENTAL REMAJA		NEUTRAL
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/buli-dan-media-sosial-punca-krisis-mental-remaja	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	KANAK-KANAK TIGA TAHUN MAUT JATUH PANGSAPURI		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-tiga-tahun-maut-jatuh-pangsapuri/	BULETINTV3.MY	
	https://www.utusan.com.my/terkini/2025/08/kanak-kanak-lelaki-tiga-tahun-maut-terjatuh-dari-tingkat-6-pangsapuri/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2459856	BERNAMA.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/744777/berita/semasa/kanak-kanak-tiga-tahun-maut-jatuh-tingkat-enam-pangsapuri	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1255783/kanak-kanak-maut-terjatuh-pangsapuri	HMETRO.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/08/23/budak-3-tahun-maut-jatuh-daripada-tingkat-6	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://ohmedia.my/trending/kanak-kanak-3-tahun-maut-terjatuh-dari-tingkat-6-pangsapuri/	OHMEDIA.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/08/23/budak-tiga-tahun-maut-jatuh-tingkat-enam-pangsapuri/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/08/23/budak-3-tahun-maut-jatuh-tingkat-6-pangsapuri	MSTAR.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



24/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	POLIS SIASAT DAKWAAN MURID LELAKI CUBA DICULIK LELAKI BERTOPENG		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1255869/polis-siasat-dakwaan-murid-lelaki-cuba-diculik-lelaki-bertopeng	HMETRO.COM.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/753225	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.buletintv3.my/nasional/polis-siasat-dakwaan-murid-lelaki-cuba-diculik-lelaki-bertopeng/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/am/news.php?id=2459909	BERNAMA.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/744805/berita/semasa/polis-siasat-dakwaan-kanak-kanak-lelaki-cuba-diculik-lelaki-bertopeng	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	KANAK-KANAK DIKHUATIRI LEMAS, IBU MAUT, KENDERAAN DIHANYUTKAN KEPALA AIR		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1255888/kanak-kanak-dikhuatiri-lemas-ibu-maut-kenderaan-dihanyutkan-kepala-air	HMETRO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/pikap-hanyut-dibawa-arus-kanak-kanak-hilang-ibu-maut/	BULETINTV3.MY	
	https://majoriti.com.my/berita/2025/08/23/video-ibu-maut-kanak-kanak-8-tahun-masih-hilang-dihanyutkan-kepala-air-di-sabah	MAJORITI.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	KANAK-KANAK, REMAJA KRITIKAL LEMAS MANDI PANTAI		NEGATIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/744787/edisi/sabah-sarawak/kanak-kanak-remaja-kritikal-lemas-mandi-pantai	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berucap pada Majlis Perasmian Fiesta Gunung Gading 2025. Foto TVS

Fiesta Gunung Gading angkat alam semula jadi, gaya hidup sihat

By TVS #bm, Berita Sarawak August 23, 2025 1:59 PM

KUCHING, 23 Ogos: Lebih 200 pengunjung membanjiri Fiesta Gunung Gading 2025 yang berlangsung meriah dengan pelbagai aktiviti menarik seperti pendakian, pertandingan fotografi (flora dan fauna) menggunakan kamera telefon, senamrobik perdana, pertandingan mewarna kanak-kanak serta pameran agensi kerajaan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, fiesta tersebut bukan sahaja mendedahkan masyarakat kepada keindahan flora dan fauna di Gunung Gading, malah menggalakkan anak muda menghargai alam sekitar agar terus dipulihara untuk generasi akan datang.

"Program Fiesta Gunung Gading juga menyokong gaya hidup sihat melalui aktiviti mendaki dan senamrobik, selain mempromosikan kawasan ini sebagai destinasi ekopelancongan utama bersama Teluk Melano serta pantai-pantai sekitarnya," katanya ketika berucap merasmikan fiesta tersebut di Lundu, Sabtu.

Nancy turut mengingatkan masyarakat Lundu dan Santubong agar terus mengekalkan perpaduan serta menjadikan kawasan itu simbol keharmonian Sarawak.

Sempena sambutan Hari Kebangsaan 2025, acara turut dimeriahkan dengan kibaran Jalur Gemilang dan bendera Ibu Pertiwi diiringi lagu patriotik.

Program tersebut dianjurkan bersama Sarawak Forestry Corporation (Gunung Gading Lundu), Pusat Khidmat Rakyat P.193 Santubong, Kelab Sukan Rekreasi Tepian Gelanggang Kuching serta Kelab Kebajikan dan Keluarga Pejabat Pesuruhjaya Sukan Sarawak.-TVS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Nancy menegaskan tindakan mengeksploitasi kanak-kanak secara dalam talian tidak wajar sama sekali.

KECOH di platform media sosial sejak beberapa hari lalu susulan hantaran seorang pelayar mengenai satu akaun yang mempamerkan kandungan (*content*) 'janggal' hubungan seorang bapa dan anak perempuannya yang masih kecil.

Apa yang menggusarkan warga maya, kanak-kanak perempuan tersebut bukan sahaja disolek dan 'digayakan' seperti seorang wanita dewasa, malah si bapa menggunakan gelaran *mini wife* kepada anaknya itu.

Perkara tersebut meraih perhatian serius Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Nancy Shukri.

Menerusi hantaran di media sosial, Nancy menegaskan tindakan mengeksploitasi kanak-kanak secara dalam talian tidak wajar sama sekali, walaupun dilakukan oleh ibu bapa sendiri.

"Saya memandang serius isu seorang bapa yang mengendalikan akaun anak perempuannya yang tular di media sosial.

"Tindakan mengeksploitasi kanak-kanak dalam talian, walaupun oleh ibu bapa sendiri, adalah tidak wajar dan tidak boleh diterima.

"Terima kasih kepada semua yang melaporkan isu ini kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK). Keselamatan dan kebajikan kanak-kanak sentiasa kami utamakan," tulisnya.

Terdahulu, bapa kepada kanak-kanak itu tampil memuat naik penjelasan berhubung content yang dikatakan menimbulkan kegusaran ramai.

Menerusi carian *mStar*, akaun kanak-kanak berkenaan yang dikendalikan bapanya juga sudah menukar gambar profil, selepas gambar terdahulu turut menimbulkan rasa kurang senang netizen.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Trauma dalam kalangan kanak-kanak perlu dirawat segera

Nasional - Dicipta: 23 Ogos 2025 11:00 AM



Trauma yang tidak dirawat menjejaskan prestasi akademik dan kawalan emosi kanak-kanak dengan baik/Foto Bernama

KUALA LUMPUR, 23 Ogos - Rawatan dan sokongan psikososial amat penting bagi membantu memulihkan trauma yang dihadapi dalam kalangan kanak-kanak.

Pakar Perunding Pediatrik UiTM Private Specialist Centre (UPSC), Dr Nadiyah Azlisham berkata, tindakan intervensi awal itu berupaya mewujudkan ruang dan persekitaran selamat untuk golongan tersebut berkongsi perasaan mereka.

Jelas beliau, trauma yang tidak dirawat bukan sahaja menjejaskan prestasi akademik, malah mengakibatkan kanak-kanak gagal menguruskan emosi dengan baik.

Sekali gus, menyumbang kepada pembentukan sikap negatif dan agresif dalam diri mereka.

"Daripada kecil di buli, bila besar jadi pembuli. Kenapa? Sebab bila ada trauma, tak ada tindakan awal. Tidak ada rawatan diberi jadi ini beri kesan jangka panjang kepada kesihatan mental yang akan memberi impak yang besar kepada perkembangan sosial kanak-kanak bila dia besar nanti.

"Ibu bapa di rumah mesti peka, sebarang perubahan tingkah laku anak mesti kena peka dan perlu bertanya. Jangan biarkan anak keseorangan, memendam dengan lebih dalam, lebih memahami daripada menghakimi," katanya.

Beliau berkata ketika ditemui pemberita selepas menjadi tetamu menerusi rancangan Selamat Pagi Malaysia (SPM) di Angkasapuri Kota Media.

Dr Nadiyah berpandangan, selain ibu bapa, masyarakat juga boleh memainkan peranan melindungi dan memberi sokongan emosi berterusan kepada kanak-kanak yang menghadapi trauma.

Jelasnya, peranan tersebut amat signifikan bagi memastikan kanak-kanak dan generasi akan datang dapat membesar dalam persekitaran yang lebih positif, selamat dan sihat; tanpa kitaran buli dan trauma.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Buli dan media sosial punca krisis mental remaja

Nasional - Dicipta: 23 Ogos 2025 12:24 PM



Datuk Seri Dr Wan Azizah (tiga dari kanan) ketika merasmikan Program Kesedaran Kesihatan Mental 'Suka Dalam Duka' di ibu negara/Foto RTM

CHERAS, 23 Ogos - Fenomena buli dan pengaruh negatif media sosial dikenal pasti sebagai pencetus utama peningkatan masalah kesihatan mental dan cubaan bunuh diri dalam kalangan anak muda.

Perkara itu didedahkan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak merangkap Pengerusi KASIH, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Menurut beliau, isu kesihatan mental kini semakin meruncing dan memerlukan kerjasama menyeluruh daripada pelbagai pihak, termasuk agensi kerajaan, petugas barisan hadapan dan komuniti setempat.

Beliau berkata, latihan komprehensif kepada doktor, kaunselor dan pegawai yang menerima panggilan kecemasan adalah penting, di samping pelaksanaan inisiatif seperti Talian Kasih, SAFE First Aid, kerjasama agensi termasuk LPPKN dan MAIWP.

"Stigma terhadap kesihatan mental mesti dihapuskan. Kita perlu buka ruang perbincangan terbuka dan wujudkan sistem sokongan yang berkesan," katanya ketika merasmikan Program Kesedaran Kesihatan Mental "Suka Dalam Duka" di Dewan Serbaguna Alam Damai, di sini hari ini.

Mengulas lanjut, beliau menegaskan mesej negatif daripada media sosial kini menjadi cabaran besar kepada remaja kerana sukar dipantau oleh ibu bapa.

"Kalau dulu kita boleh pantau anak-anak, sekarang mesej negatif masuk senyap-senyap melalui telefon. Itu antara cabaran besar," katanya.

Dr Wan Azizah turut menekankan bahawa budaya empati, penggunaan bahasa yang baik dan nilai kasih sayang perlu dipupuk sebagai langkah pencegahan jangka panjang.

Program anjuran Parlimen Bandar Tun Razak dengan sokongan pelbagai agensi itu dihadiri lebih 150 peserta, majoritinya daripada golongan B40.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.###

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kanak-kanak tiga tahun maut jatuh pangsapuri

🕒 23 Ogos 2025, 4:31pm



PETALING JAYA: Seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun maut dipercayai terjatuh dari tingkat enam sebuah pangsapuri di Kota Damansara, Khamis lalu.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Shahrulnizam Ja'afar, memaklumkan pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu sekitar jam 4.42 petang.

Katanya, mangsa sebelum itu ditemui orang awam dalam keadaan terbaring di laluan pejalan kaki sebelum kejadian itu dilaporkan kepada polis.

"Pasukan perubatan yang hadir ke lokasi kemudian mengesahkan kanak-kanak terbabit meninggal dunia di tempat kejadian.

"Siasatan awal mendapati mangsa dipercayai jatuh dari tingkat enam pangsapuri berkenaan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Shahrulnizam berkata, siasatan dijalankan di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian.

Beliau juga memohon orang awam yang mempunyai maklumat ebrhubung kes itu untuk tampil membantu siasatan dengan menghubungi Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya di talian 03-7966 2222 atau Pegawai Penyiasat, Inspektor Ainaa Athira di 010-2762186.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Polis siasat dakwaan murid lelaki cuba diculik lelaki bertopeng

Meor Riduwan Meor Ahmad
am@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Melaka: Polis mengesahkan menerima laporan berhubung dakwaan cubaan culik seorang murid lelaki tahun enam sebuah sekolah rendah di Bukit Baru di sini.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit berkata, laporan dibuat mangsa berusia 12 tahun itu pada hari kejadian 15 Ogos lalu.

Menurutnya, berdasarkan aduan mangsa mendakwa kejadian itu berlaku jam 5 petang ketika dia berbasikal seorang diri untuk pulang ke rumah dari kedai runcit.

"Setakat ini polis masih menyiasat kesahihan perkara ini, jadi saya minta orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh menggusarkan masyarakat.

"Pada masa sama masyarakat perlu sentiasa menjaga keselamatan masing-masing," katanya dalam kenyataan petang ini.

Beliau mengulas berita tular di media sosial didakwa dikeluarkan oleh sebuah sekolah di sini, yang mendakwa seorang murid sekolah cuba diculik seorang lelaki dewasa bertopeng menaiki van putih.

Berdasarkan kenyataan tular itu, pihak sekolah mendakwa kanak-kanak itu berjaya lolos dan melaporkan kejadian kepada ibu bapa sebelum membuat laporan polis.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kanak-kanak dikhuatiri lemas, ibu maut, kenderaan dihanyutkan kepala air

Juwan Riduan
am@hmetro.com.my



Pasukan keselamatan melakukan operasi pencarian mangsa di sungai Kampung Nibang, Pitas. FOTO Ihsan Bomba

Pitas: Seorang kanak-kanak perempuan berusia lapan tahun dikhuatiri lemas selepas pacuan empat roda jenis Toyota Hilux dinaiki bersama ibu bapanya dihanyutkan kepala air di Kampung Bumbung, di sini, Rabu lalu.

Dalam kejadian jam 11.30 malam itu, mangsa, Angelina Kardin, warga Filipina, masih belum ditemui sehingga operasi mencari dan menyelamat (SAR) memasuki hari ketiga, hari ini.

Menurut maklumat awal polis, kejadian berlaku ketika kenderaan terbabit melintasi jambatan sebelum tiba-tiba dihanyutkan kepala air hingga menyebabkan ia berpusing.

Angelina didakwa sempat keluar dari kenderaan namun dihanyutkan arus deras. Ibunya yang cuba menyelamatkannya turut hanyut dan ditemui meninggal dunia tersangkut pada ranting kayu di Jambatan Kampung Nibang, Khamis lalu.

Manakala bapanya yang cuba membantu tetapi gagal, sebelum berjaya berenang ke tebing dan selamat.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pitas, Noor Jalil Maslah berkata, SAR hari ketiga bermula jam 9 pagi dengan kaedah pencarian 'follow the stream' menggunakan bot Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) sejauh 1.5 kilometer di sungai Kampung Nibang.

"Pasukan turut membuat pencarian di tebing sungai sejauh satu kilometer dari lokasi penemuan mangsa pertama. Namun masih tiada petunjuk," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Menurutnya, operasi SAR dihentikan jam 3 petang tadi dan akan disambung esok.

Operasi SAR disertai sembilan anggota bomba bersama dua jentera, selain dibantu polis dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kanak-kanak, remaja kritikal lemas mandi pantai



ASYIKIN ASMIN [Follow](#)

23 Ogos 2025 05:34pm



Lokasi dua mangsa kritikal selepas didapati lemas dalam kejadian di Pantai Rindu, Lahad Datu.

LAHAD DATU - Seorang kanak-kanak dan seorang remaja dilaporkan kritikal selepas ditemukan lemas di Pantai Rindu di sini pada Sabtu.

Dalam kejadian kira-kira jam 12 tengah hari itu, dua mangsa perempuan masing-masing berusia 12 dan 16 tahun dihantar ke hospital untuk mendapatkan rawatan lanjut.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Lahad Datu, Sumsoa Rashid berkata, tujuh anggota digegaskan ke lokasi selepas menerima panggilan kecemasan pada jam 12.26 tengah hari.

"Terdapat dua mangsa lemas yang sedang mandi di pantai berkenaan, namun kedua-duanya berjaya diselamatkan oleh ahli keluarga yang berada di lokasi dan diberikan bantuan pernafasan kecemasan (CPR) sebelum dihantar ke hospital menggunakan kenderaan persendirian," katanya kepada Sinar Harian.

Menurutnya, kedua-dua mangsa difahamkan dalam keadaan kritikal namun status terkini belum dapat dipastikan selepas mereka dibawa ke hospital.

"Berdasarkan maklumat daripada pengusaha pusat rekreasi tersebut, terdapat sekumpulan ahli keluarga mengadakan aktiviti di kawasan pantai berkenaan, namun pihaknya tidak mempunyai maklumat lanjut mengenai kaitan dua mangsa tersebut.

"Operasi tamat pada jam 1.37 tengah hari," ujarnya.